

## Mesej Dua

### **Mengalami Kurnia Tuhan dalam Ekonomi Tuhan**

Bacaan Bible: Ef. 1:10; 3:9; 1 Tim. 1:4; Gal. 6:18; 1 Kor. 15:10; 2 Ptr. 3:18a

- I. Ekonomi abadi Tuhan adalah untuk memperoleh sekumpulan orang, agar Tuhan Tritunggal dapat mendispenkan diri-Nya ke dalam mereka untuk menjadi hayat dan segala-gala bagi mereka, supaya mereka dapat digabungkan dengan-Nya menjadi satu, dipenuhi dan diduduki-Nya, dan menjadi satu entiti organik dengan-Nya di bumi untuk menjadi Tubuh Kristus, gereja, demi ekspresi korporat-Nya—Ef. 1:3-23:**

- A. Ekonomi abadi Tuhan ialah garis utama seluruh Bible—ay. 10; 3:9.
- B. Pentafsiran Bible harus dikawal secara ketat oleh garis utama ini di bawah pencahayaannya—Luk. 24:27, 32, 44.
- C. Seperkara yang harus difokus, ditekan, dan diministerkan ialah ekonomi Wasiat Baru Tuhan—1 Tim. 1:4.
- D. Kehidupan orang Kristian ialah kehidupan yang untuk ekonomi Tuhan—2 Kor. 5:14-15.

- II. “Kurnia Tuan kita Yesus Kristus menyertai rohmu”—Gal. 6:18:**

- A. Sasaran ekonomi Tuhan ialah: Hari ini Kristus ialah kurnia Tuhan dalam roh kita—ay. 18:
  1. Roh kita yang dilahirukan yang dihuni secara dalaman oleh Roh itu ialah fokus berkat yang dijanjikan oleh Tuhan—Yoh. 3:6; Roma 8:10; 15:29; Ef. 1:3.
  2. Kita memerlukan kurnia Tuan, iaitu perbekalan limpah lengkap daripada Roh almuhit, menyertai roh kita—Flp. 1:19; 2 Tim. 4:22.
- B. Kurnia Yesus Kristus ialah perbekalan limpah lengkap daripada Tuhan Tritunggal (yang menjasadkan diri dalam Anak dan direalisasikan sebagai Roh beri-hayat) yang kita nikmati dengan melatih roh insani kita—Yoh. 1:14; 1 Kor. 15:45b; 2 Tim. 4:22; Flm. 25:
  1. Kurnia ialah Tuhan Bapa terjadad dalam Anak yang direalisasikan sebagai Roh itu; akhirnya, Roh itu ialah Roh kurnia—Ibr. 10:29.
  2. Kurnia ini, iaitu konsumasi muktamad Tuhan Tritunggal, kini huni dalam roh kita—Flp. 4:23.
  3. Roh kita ialah satu-satunya tempat kita boleh mengalami kurnia—2 Tim. 4:22.
  4. Untuk menerima dan menikmati kurnia, kita perlu berpaling kepada roh kita dan kekal berada di situ, mengakui Tuan sebagai Kepala dan Raja, menghormati kedudukan-Nya, menyanjung kuasa-Nya, dan melihat bahawa takhta kurnia terletak dalam roh kita—Gal. 6:18; Ibr. 4:16.
- C. Sebagai anak-anak Tuhan, kita harus menjadi orang yang menerima dan menikmati kurnia Tuan kita dalam roh kita—2 Kor. 13:14; Flm. 25:
  1. Menerima Kristus sebagai Roh kurnia ialah proses yang berterusan sepanjang hayat—Yoh. 1:16; Wahi 22:21.
  2. Setiap hari, suatu transmisi divin yang mengagumkan harus berlangsung, yakni Tuhan membekalkan Roh kurnia dengan limpah lengkap, dan kita menerima Roh kurnia secara berterusan—Gal. 3:2-5; Yoh. 3:34.
  3. Cara membuka diri kita kepada transmisi syurgawi untuk menerima bekalan Roh kurnia yang beri-hayat dan almuhit adalah dengan melatih roh kita untuk berdoa dan menyeru Tuan—1 Tes. 5:16-18; Roma 10:12-13.
  4. Semasa kita menerima dan menikmati Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi sebagai kurnia kita, kita akan beransur-ansur menjadi satu dengan-Nya secara organik; Dia akan menjadi konstituen kita, dan kita akan menjadi ekspresi-Nya—2 Kor. 1:12; 12:9.

**III. “Melalui kurnia Tuhan, aku adalah sebagaimana aku sekarang, dan kurnia-Nya yang diberi kepadaku tidak menjadi sia-sia;...namun bukan aku tetapi kurnia Tuhan yang ada bersama denganku”—1 Kor. 15:10:**

- A. Kurnia yang disebut tiga kali dalam 1 Korintus 15:10 ialah Kristus yang bangkit itu menjadi Roh beri-hayat (ay. 45) untuk membawa Tuhan Tritunggal terproses dalam kebangkitan ke dalam kita untuk menjadi hayat dan bekalan hayat kita agar kita dapat hidup dalam kebangkitan:
1. Kurnia ialah Tuhan Tritunggal menjadi hayat dan segala-gala kepada kita—Yoh. 1:17; Gal. 2:21.
  2. Melalui kurnia inilah Saulus dari Tarsus, pendosa yang paling berdosa (1 Tim. 1:15-16), menjadi dutus utama yang berjerih lelah jauh lebih daripada semua dutus.
  3. Ministri dan kehidupan Paulus melalui kurnia ini ialah kesaksian yang tidak dapat disangkal terhadap kebangkitan Kristus—2 Kor. 1:12; 12:9.
- B. *Bukan aku tetapi kurnia Tuhan* dalam 1 Korintus 15:10 bersamaan dengan *bukan lagi aku...tetapi Kristus* dalam Galatia 2:20; ini menunjukkan bahawa Kristus sendiri ialah kurnia Tuhan—Tuhan sendiri bekerja menerusi dutus:
1. Kurnia yang mendorong dutus Paulus dan beroperasi dalamnya bukanlah apa-apa perkara atau benda tetapi satu persona hidup, iaitu Kristus yang bangkit, perjasadan Tuhan Bapa yang menjadi Roh beri-hayat almuhit yang huni dalam dutus sebagai segalanya bagi dutus.
  2. Ini sejajar dengan pengisytiharan Paulus dalam Filipi 4:13: “Aku berupaya melakukan segala sesuatu dalam Dia yang memperkudratkan aku”:
    - a. Dalam Filipi 4:13, *Dia* merujuk kepada Kristus yang bangkit yang menjadi Roh beri-hayat.
    - b. Dalam Kristus sedemikian, Paulus diperkudratkan untuk melakukan segala sesuatu; inilah kurnia Tuhan.

**IV. “Bertumbuhlah dalam kurnia...Tuan kita dan Penyelamat Yesus Kristus”—2 Ptr. 3:18a:**

- A. Kurnia ialah Tuhan Tritunggal menjadi hayat dan bekalan hayat kepada kita dan dalam kita; bertumbuh dalam kurnia bererti bertumbuh dalam sumber dalaman bagi bekalan hayat ini—1 Ptr. 5:10.
- B. Kurnia ialah Tuhan diproses menerusi inkarnasi, kematian, kebangkitan, dan kenaikan ke syurga; semua elemen kurnia ini berada dalam kita untuk menjadi satu dengan kita—Flp. 4:23.
1. Kurnia ialah Tuhan sendiri sebagai hayat kita untuk menjadi satu dengan kita, menyelamatkan kita, berumah dalam kita, dan dibentuk dalam kita; bertumbuh dalam kurnia bererti bertumbuh dalam pertambahan Tuhan—Kol. 2:19.
  2. Kurnia ialah Tuhan mengunjungi kita untuk tinggal dalam kita dan menjadikan diri-Nya satu dengan kita; kita perlu bertumbuh dalam kurnia sebegini demi kemuliaan-Nya dari hari ini dan hingga hari keabadian—Wahi 22:21.